

SULIT
TREND LAYAK SIJIL SPM 2023
BAHASA MELAYU
Kertas 2
Oktober 2023

1103/2



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
(CAWANGAN PULAU PINANG)

TREND LAYAK SIJIL SPM 2023

BAHASA MELAYU
KERTAS 2

PERATURAN PEMARKAHAN

Latih tubi ini mengandungi 13 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah]
SULIT

Markah penuh : 100 markah

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 1 : **8** markah

Soalan 2 : **6** markah

Soalan 3 : **11** markah

Soalan 4 : **4** markah

Soalan 5 : **6** markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata adjektif perasaan yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata adjektif perasaan tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata adjektif perasaan yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Petikan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.

Soalan 1 : Morfologi (empat kata adjektif perasaan)

- i. bimbang
 1. berasa gelisah atau tidak sedap hati kerana memikirkan sesuatu
 2. takut sesuatu yang tidak diingin berlaku
- ii. terkejut
 - terperanjat, tersentak, kaget
- iii. bahagia
 1. perasaan yang senang dan aman
 2. aman damai dan gembira
- iv. sabar
 - tidak terburu-buru / tenang
- v. bangga
 - megah, besar hati

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2 : Sintaksis

Cerakinkan ayat-ayat dalam petikan supaya menjadi enam ayat

1. Pokok bunga telang ialah spesies tumbuhan kekacang.
2. Pokok bunga telang tumbuh menjalar dengan melilit tumbuhan lain di sekelilingnya.
3. Pokok bunga telang mempunyai bunga berwarna ungu terang.
4. Masyarakat Melayu sememangnya gemar menggunakan bunga telang sebagai pewarna alami dalam makanan.
5. Bunga telang memberikan warna biru semula jadi yang cantik, menarik dan segar.
6. Makanan yang dihasilkan selamat daripada bahan kimia.

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 3 : Penyuntingan**Bahan 1**

- | | | |
|--------------------|---|------------------|
| 1. tekstail | - | tekstil |
| 2. aneh | - | unik |
| 3. lain-lain motif | - | motif-motif lain |
| 4. hakmilik | - | hak milik |
| 5. tata hias | - | tatahias |
| 6. memiliki | - | dimiliki |
| 7. jutawan | - | bangsawan |
| 8. menghiaskan | - | menghiasi |

[Maksimum : 6 markah]

Bahan 2

- | | | |
|----------------|---|---------------|
| 1. ke 66 | - | ke-66 |
| 2. oditorium | - | auditorium |
| 3. syarat | - | syarat-syarat |
| 4. menyediakan | - | disediakan |
| 5. bertajukkan | - | bertemakan |
| 6. ramai orang | - | orang ramai |
| 7. QR kod | - | kod QR |

[Maksimum: 5 markah]

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

DESKRIPSI	Markah
	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat masih gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat tidak gramatis	
- Ayat disalin bulat-bulat/ isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 : Bahasa Standard

Setelah / selama empat puluh dua tahun Sultan Muzaffar Syah memerintah kerajaan, baginda mangkat. Anakanda baginda yang bernama Raja Abdullah telah/ yang menggantikan takhta ayahanda baginda, baginda digelar Sultan Mansur Syah ketika memerintah, baginda berumur dua puluh tujuh tahun semasa menjadi raja/ menaiki takhta. Baginda telah beristerikan/berkahwin dengan anak Seri Nara Diraja yang bernama Tun Patih Nur Pualam. Baginda juga memiliki seorang anak perempuan dengan gundik yang bernama Puteri Bakal.

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 5 : Peribahasa

- i. kais pagi makan pagi, kais petang makan petang 2
- ii. kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya /
usaha tangga kejayaan / di mana ada kemahuan di situ ada jalan 2
- iii. masa itu emas

[Maksimum : 6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 6 : **12** markah

Soalan 7 : **13** markah

Soalan 8 : **10** markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh sahaja (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman

1. Soalan 2 markah :Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup / ayat tidak gramatis	1
Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah :Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas/ ayat gramatis	3
Isi cukup/ menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (tidak menyentuh semua bahan)	1
Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah :Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Jawapan salah	0

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 Markah]

Soalan 6

i. maksud *melanjutkan pelajaran*

- meneruskan / menyambung pengajian/ pendidikan 2
- melanjutkan pengajian / pendidikan 1
- meneruskan / menyambung pelajaran 1

[Maksimum : 2 markah]

ii. Faktor-faktor remaja memilih untuk mencari pekerjaan.

Bahan 1

- P1 kurangnya minat dalam bidang akademik dan menganggapnya sebagai satu beban
- P2 mendapat pengalaman baharu dan hidup bebas

Bahan 2

- P1 Remaja yang bekerja sambil memilih untuk hidup berdikari dengan mencari sumber kewangan sendiri.
- P2 membantu meringankan beban ibu bapa untuk menampung kos sara hidup keluarga yang semakin meningkat

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan kedua-dua bahan

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

iii. **Kebaikan-kebaikan bekerja sendiri**

- P1 boleh bekerja mengikut kesesuaian masa sendiri / tidak terikat dengan jadual kerja
- P2 boleh mengelakkan rasa bosan kerana rutin harian yang berbeza
- P3 boleh menguruskan hal peribadi / keluarga walaupun sibuk bekerja
- P4 boleh bekerja dari rumah dengan selesa / tidak perlu ke pejabat
- P5 boleh bercuti pada bila-bila masa sahaja
- P6 dapat melihat hasil kerja sendiri yang terjamin kualitinya
- P7 memupuk daya kreativiti sendiri untuk bersaing dengan usahawan lain

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

iv. **Persediaan - persediaan**

- P1 berpakaian kemas dan sesuai dengan jawatan yang dipohon
- P2 menyediakan semua dokumen sokongan yang diperlukan
- P3 mencari maklumat tentang jawatan yang dipohon
- P4 mengetahui kemahiran yang diperlukan dalam bidang tugas jawatan tersebut
- P5 mengetahui latar belakang syarikat / majikan
- P6 mempunyai pengetahuan dan kemahiran berkaitan jawatan
- P7 bersedia dari segi fizikal dan mental untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

- i. Berdasarkan **Bahan 1**, kepentingan pelajaran menurut cikgu Jo ialah
P1 boleh dapat pekerjaan yang lebih besar
P2 mungkin dapat jadi pegawai
P3 atau ahli perniagaan macam anak penghulu

Maksimum : 2 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

- ii. Nasihat-nasihat berguna yang dapat dijadikan panduan oleh generasi muda ialah

Bahan 1

- P1 meneruskan pelajaran sampai SPM, sampai menara gading
P2 gunakanlah kebijaksanaanmu itu, mungkin untuk membantu kaummu

Bahan 2

- P1 remaja mesti bijak membezakan baik buruk sesuatu perkara
(mengenal kalimat hujan dan bilah petir)
P2 bijak menyesuaikan diri
(Pandai-pandailah kau terbang)
P3 jangan pulang dengan kegagalan/kekecewaan
(jangan kau pulang dengan percikan duka dan balutan luka)

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan kedua-dua bahan

Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

- iii. Kepentingan menuntut ilmu kepada remaja

- P1 dapat dijadikan panduan dan pedoman hidup
P2 dapat menjamin masa depan yang cerah / mendapat peluang pekerjaan yang baik
P3 tidak mudah terjebak dengan gejala sosial/ membentuk diri dengan akhlak yang mulia
P4 dapat berbakti kepada keluarga / agama/ bangsa / negara / meningkatkan taraf hidup
P5 tidak mudah ditipu / dimanipulasi oleh orang lain
P6 dihormati dan disegani oleh masyarakat

Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

- iv. Tindakan saya agar rakan-rakan lebih berminat dan fokus

- P1 menasihati mereka tentang kepentingan pelajaran demi masa depan
P2 berkongsi maklumat kesan buruk akibat mengabaikan /gagal dalam pelajaran
P3 mewujudkan kumpulan belajar / belajar bersama-sama / kelas tambahan
P4 meminta bantuan guru / kaunselor / untuk menasihati dan memotivasikan rakan-rakan saya.
P5 meminta bantuan ibu bapa rakan saya untuk menasihati rakan saya.

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8

- (i) Faktor yang menyebabkan along tetap bertekad untuk ke kampung arwah ayahnya walaupun dilarang oleh uminya
- P1 memenuhi harapan ayah
 - P2 banyak perkara yang perlu along ketahui
 - P3 ada sesuatu yang ditinggalkannya buat along di sana
 - P4 ayah meninggal sebab apa pun, along tak tahu

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 8 (ii)**(ii) Soalan novel : 6 markah**

- (a) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap peristiwa yang betul.
- (d) Beri 1 markah bagi huraian yang lengkap / jelas bagi setiap peristiwa.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap peristiwa dan huraian)
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 6 markah]

Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin

1. Peristiwa nenek Lili mengajak Lili segera pulang dari kedai runcit Letchumi ketika Lili sedang rancak berbual-bual dengan Geetha tanpa menyedari masa telah berlalu hampir sejam.
Huraian: Peristiwa ini menunjukkan sifat keprihatinan tidak mengambil masa yang lama kerana akan mengganggu urusan orang lain.
2. Peristiwa Lili memimpin neneknya menuruni bangsal walaupun Lili tahu, menaiki dan menuruni bangsal merupakan rutin harian nenek.
Huraian: Peristiwa ini menunjukkan sifat keprihatinan Lili terhadap keselamatan neneknya.
3. Peristiwa Lili sangat mengambil berat tentang pengambilan makanan segera serta menghitung kandungan bahan dalam makanan yang diambil oleh Danel dan Lili lebih mementingkan makanan yang dimasak di rumah.
Huraian: Peristiwa ini menunjukkan sifat keprihatinan Lili supaya tidak mengambil makanan yang tidak berkhasiat.
4. Peristiwa Lili diselamatkan oleh Danel setelah diculik dan dikurung oleh Rafik dan Haziq di dalam sebuah pondok yang hampir runtuh.
Huraian: Peristiwa ini menunjukkan sifat keprihatinan Danel untuk menyelamatkan rakannya yang memerlukan pertolongan.
5. Peristiwa beberapa orang jemaah Kampung Sentosa mengadakan solat hajat untuk keselamatan Lili malah hampir separuh daripada penduduk kampung datang berjumpa nenek untuk bertanyakan nasib yang menimpa Lili serta memberikan perangsang kepada nenek bahawa Lili akan selamat.
Huraian: Peristiwa ini menunjukkan sifat keprihatinan penduduk setempat bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim.
6. Peristiwa Lili bersimpati terhadap Rafiq dan Haziq yang cedera dibelasah dan cuba untuk membersihkan luka mereka dengan menggunakan antiseptik.
Huraian: Peristiwa ini menunjukkan sifat keprihatinan Lili untuk membantu orang yang sakit dan memerlukan pertolongan.
7. Peristiwa Kak Mimah meminta Che Jah membuat laporan polis supaya bantuan kewangan dan sumbangan dapat disalurkan kepada keluarga Che Jah.
Huraian: Peristiwa ini menunjukkan sifat keprihatinan Kak Mimah untuk membantu keluarga Che Jah yang dalam kesusahan.

(Peristiwa keprihatinan dan huraian lain yang sesuai diterima.)

Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip

1. Peristiwa Tauke Lim membenarkan Embong dan keluarganya membeli barangan runcit di kedainya secara berhutang. Tauke Lim tetap membenarkan Embong dan keluarganya membeli barangan di kedainya secara berhutang walaupun hutang lama belum dibayar oleh Embong.

Huraian: Peristiwa ini menunjukkan sifat keprihatinan seorang kawan untuk membantu kawannya yang dalam kesusahan tanpa mengira bangsa dan agama demi meringankan beban orang lain.

2. Peristiwa Tauke Lim menyatakan kesanggupannya membayar harga tapak rumah Embong yang dijual oleh Nek Kiah dengan harga RM15 ribu.

Huraian: Peristiwa ini menunjukkan sifat keprihatinan seorang rakan yang berlainan bangsa dan agama untuk membantu rakannya.

3. Peristiwa penduduk kampung bekerjasama membaiki rumah Embong semula setelah rumahnya rosak dibawa arus banjir.

Huraian: Peristiwa ini menunjukkan sifat keprihatinan penduduk kampung terhadap keluarga Embong yang dilanda musibah.

4. Peristiwa Cikgu Hisyam menyuruh Kavita membuat salinan nota untuk diberikan kepada Dahlia semasa Dahlia tidak hadir ke sekolah.

Huraian: Peristiwa ini dapat dicontohi agar keprihatinan dan sikap bertanggungjawab seorang guru untuk memastikan muridnya tidak tercicir dalam pelajaran semasa tidak hadir ke sekolah.

5. Peristiwa Haji Sulaiman membantu keluarga Embong menguruskan Saleha untuk dibawa ke hospital bagi mendapatkan rawatan yang lebih lanjut.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sifat keprihatinan seorang ketua kampung terhadap kesusahan anak buahnya.

(Peristiwa keprihatinan dan huraian lain yang sesuai diterima.)

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh 30 dibahagikan kepada :

(a) Isi maksimum -20 markah

(b) Bahasa maksimum - 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota :

i. Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :

- Nama khas
- Perkataan berganda
- Penggunaan kata sendi di dan ke
- Tarikh
- Angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- Gelaran
- Penanda wacana
- Peribahasa

ii. Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja

iii. Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.

iv. Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

v. Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.

vi. Jumlah isi maksimum yang diterima daripada semua fokus dan semua bahan ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima						Markah Isi Maksimum
i. Pendahuluan	Fokus 1 + Fokus 2						2	
ii. Isi Bahan 1							16	
Fokus 1 (A) kepentingan/kebaikan/manfaat/faedah/ kelebihan	4	3	3	3	2	2		1
Fokus 2 (C) halangan/cabaran/kekangan/masalah	4	3	2	1	3	2		3
iii. Isi Bahan 2								
Fokus 1 (B) kepentingan/kebaikan/manfaat/faedah/ kelebihan	2	1	2	2	1	2		2
Fokus 2 (D)halangan/cabaran/kekangan/masalah	2	1	1	2	2	2		2
Jumlah Isi	12	8	8	8	8	8	8	
v. Penutup	Tema + Cadangan + Kesan						2	
JUMLAH MARKAH							20	

(a) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 - 10 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesenambungan ayat sangat baik. • Bahasa sangat gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Pengolahan sangat menarik dan berkesan.
Baik	5 - 7 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesenambungan ayat baik. • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. • Penggunaan kosa kata masih luas dan tepat. • Pengolahan masih menarik dan berkesan.
Sederhana	3 - 4 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesenambungan ayat kurang baik. • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. • Penggunaan kosa kata kurang luas dan tepat. • Pengolahan kurang menarik dan berkesan.
Lemah	1 - 2 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota :

1. Jika menjawab dalam bentuk poin / fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
2. Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa.
3. Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa sangat baik, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
4. Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, berikan 0 markah bahasa.
5. Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[maksimum : 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]

- | | | |
|----|--|---|
| P1 | membincangkan kepentingan / kebaikan / manfaat / faedah / kelebihan pertanian bandar dan halangan / cabaran / kekangan / masalah menjalankan pertanian bandar. | 2 |
| P2 | membincangkan kepentingan / kebaikan / manfaat / faedah / kelebihan pertanian bandar | 1 |
| P3 | membincangkan halangan / cabaran / kekangan / masalah menjalankan pertanian bandar | 1 |

Isi [16 markah]**Fokus 1 : kepentingan / kebaikan / manfaat / faedah / kelebihan** pertanian bandar**Bahan 1**

- | | | |
|----|---|---|
| A1 | mendapatkan bahan makanan yang segar, berkualiti dan bebas bahan kimia dalam menu harian masing-masing | 2 |
| A2 | menjadi medium penting bagi mengekalkan kelestarian kawasan bandar dengan meningkatkan jumlah kawasan hijau | 2 |
| A3 | mencantikkan pemandangan, menambahkan kawasan teduhan dan mengawal suhu pada persekitaran kawasan bandar | 2 |
| A4 | mengurangkan kos sara hidup melalui pengeluaran sendiri selain mampu menjanakan pendapatan tambahan | 2 |

Bahan 2

- | | | |
|----|--|---|
| B1 | pertanian bandar salah satu terapi untuk menghilangkan stres | 2 |
| B2 | mengeratkan hubungan kekeluargaan | 2 |

Fokus 2 : halangan / cabaran / kekangan / masalah menjalankan pertanian bandar**Bahan 1**

- | | | |
|----|---|---|
| C1 | kawasan yang sesak dengan kepesatan pembangunan | 2 |
| C2 | kekurangan kawasan hijau | 2 |
| C3 | Tiada tanah atau tanah yang terhad | 2 |
| C4 | kesuntukan masa akibat belajar atau bekerja | 2 |

Bahan 2

- | | | |
|----|---|---|
| D1 | mereka tinggal di kawasan yang tidak sesuai untuk bertani | 2 |
| D2 | tidak berminat untuk bertani | 2 |

Kesimpulan [2 markah]

- | | | |
|----|--|---|
| K1 | Pertanian bandar hendaklah dijadikan amalan kerana masyarakat dapat mengisi masa senggang di rumah. | 2 |
| K2 | Aktiviti pertanian di kawasan bandar perlulah dipergiat demi memastikan kehijauan alam sekitar di kawasan kediaman. | 2 |
| K3 | Aktiviti pertanian di kawasan bandar perlulah dipergiat | 1 |
| K4 | Semua pihak/kerajaan/ibu bapa/masyarakat perlulah mengamalkan pertanian bandar | 0 |

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT